



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
07-14 APRIL 2017

AKHBAR

MUKA SURAT

SelangorKini

- MPS tunda kenderaan buruk	18
- HIJRAH terus bantu rakyat	16
- Smart Trak Selangor Berjaya	06



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 07-14 APRIL 2017	
Akhbar	Selangorkini
Tajuk Berita	MPS tunda kenderaan buruk
Muka Surat	18

PBT
18 | Selangorkini 7 - 14 April 2017

Tinggal terlalu lama

MPS tunda kenderaan buruk



OLEH SYAZWANI SUFIAN

SHAH ALAM - Sebanyak 11 kenderaan buruk ditunda Majlis Perbandaran Selayang dalam Operasi Bersepadu Kenderaan Buruk di tiga kawasan di Batu Caves, pada 30 Mac lalu.

Tindakan itu dijalankan Penguatkuasa MPS dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Penolong Pegawai Penerangan MPS, Norillyana Roslan berkata, operasi itu bertujuan memberi kesedaran dan pendidikan kepada orang ramai supaya tidak meletakkan kenderaan di kawasan menghalang atau tapak parkir dalam tempoh lama.

"Setiap pemilik kereta ditunda perlu membayar kompaun dan menuntut kenderaan selepas 14 hari dari tarikh sitaan.

"Kenderaan sitaan dilupuskan dalam tempoh sebulan jika pemilik gagal berbuat demikian," katanya dalam kenyataan.

Operasi itu membabitkan 40 anggota pelbagai agensi termasuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Perbandaran Klang serta agensi luar iaitu Suasa Efektif Sdn. Bhd, PDRM, SPRM juga ahli majlis.

Norillyana berkata, kawasan terbabit adalah Sunway Batu Caves, Batu Caves Centrepoint dan Sri Batu Caves.

"MPS akan meneruskan operasi ini secara konsisten dari semasa ke semasa supaya kemudahan tempat letak kereta disediakan dapat dimanfaatkan penduduk sekitar.

"Orang ramai dinasihatkan tidak meninggalkan atau meletakkan kenderaan di kawasan yang menghalang laluan," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 07-14 APRIL 2017

Akhbar	Selangorkini
Tajuk Berita	HIJRAH terus bantu rakyat
Muka Surat	16



HIJRAH terus bantu rakyat

KUALA LUMPUR - Program HIJRAH Selangor (HIJRAH) antara bukti Kerajaan Negeri sentiasa komited memastikan rakyat mampu menjana pendapatan tambahan dalam mendepani kos sara hidup tinggi.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Dato' Iskandar Abdul Samad berkata, ia sekali gus melonjak golongan berpendapatan rendah menyertai kelas menengah. "Program ini bukan sekadar memberi pinjaman wang semata-mata tetapi berperanan memastikan rakyat mempunyai keupayaan membantu diri dan keluarga, meningkatkan pendapatan serta kualiti hidup menerusi bimbingan disediakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Perasmian Pejabat Baru HIJRAH Cawangan Pandan, di sini, yang menyaksikan

59 peserta HIJRAH dari Pandan, Puchong, Hulu Langat dan Ampang menerima baucar pinjaman bernilai RM287,000.

Hadir sama, Ahli Dewan Negeri Teratai, Tiew Way Keng yang turut mengalu-alukan HIJRAH bertemu persatuan penaja bagi menarik lebih ramai peserta.

HIJRAH antara landasan terbaik membantu peniaga menjayakan perniagaan menerusi galakan dan kursus kemahiran," katanya.

Sementara itu, Pengurus Cawangan HIJRAH Pandan, Nor Azim berkata, penubuhan pejabat baru itu bertujuan memudahkan pegawai bertemu peniaga di kawasan sekitar.

HIJRAH Selangor Cawangan Pandan kini beroperasi di 61-1, Jalan Mawar 15, Taman Mawar, 56100 Kuala Lumpur dan boleh dihubungi menerusi talian 03-4280 2411.

Program ini bukan sekadar memberi pinjaman wang semata-mata tetapi berperanan memastikan rakyat mempunyai keupayaan membantu diri dan keluarga, meningkatkan pendapatan serta kualiti hidup menerusi bimbingan disediakan

ISKANDAR ABDUL SAMAD
Exco Perumahan,
Pengurusan Bangunan
dan Kehidupan Bandar

Caj perkhidmatan munasabah

SHAH ALAM - Caj perkhidmatan lapan peratus yang dikenakan skim mikrokredit HIJRAH Selangor (HIJRAH) disifatkan munasabah walaupun lebih tinggi berbanding kadar ditawarkan institusi kewangan komersial lain.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari berkata, hal itu kerana HIJRAH menawarkan pelaksanaan latihan dan kursus keusahawanan kepada peminjam.

"Hasil kutipan caj itu juga digunakan untuk menampung kos pengurusan termasuk pengubahsuaian pejabat serta bayaran gaji kepada 233 kakitangan HIJRAH," katanya di sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), di sini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Ahli Dewan Negeri Kampung Tunku, Lau Weng San berkenaan HIJRAH.

HIJRAH adalah program mi-

Hasil kutipan caj itu juga digunakan untuk menampung kos pengurusan termasuk pengubahsuaian pejabat serta bayaran gaji kepada 233 kakitangan HIJRAH

AMIRUDIN SHARI
Exco Pembangunan
Generasi Muda, Sukan,
Kebudayaan dan
Pembangunan Usahawan

krokredit bersepadu gagasan Dato' Menteri Besar, Dato' Sri Mohamed Azmin Ali yang menggabungkan SKIMSEL, MIMBAR dan WALA yang dilaksanakan, sejak 2010.

Program itu dilancarkan secara rasmi, pada 24 Mac 2015.





MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
07-14 APRIL 2017

Akhbar	Selangorkini
Tajuk Berita	Smart Trak Selangor berjaya
Muka Surat	06

Utama
6 | Selangorkini 7 - 14 April 2017

Bantu usahawan pasar produk

Smart Trak Selangor berjaya



OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Penyeretan ramai peniaga dan usahawan daripada pelbagai bidang perniagaan menjadikan Festival Smart Trak Selangor 2017 di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, di sini, berlangsung meriah.

Program Kerajaan Negeri dengan kerjasama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) itu diadakan dua hari, 1 juga 2 April lalu dan kalangan usahawan boleh memasarkan produk jualan di tapak perniagaan disediakan.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, program Smart Trak Selangor adalah

usaha Kerajaan Negeri untuk terus membantu rakyat negeri itu ke arah memartabatkan ekonomi dan kehidupan lebih berjaya.

"Cabaran ekonomi semasa amat getir dan mencabar. Situasi ini menuntut usahawan lebih kreatif serta inovatif dalam memenuhi permintaan pasaran termasuk produk berkualiti dengan harga berpatutan.

"Smart Trak Selangor adalah satu perkembangan baru yang menarik perhatian awam serta menjadi pilihan usahawan masa kini dan konsep mobiliti ini memberi pilihan untuk mereka bergerak dari satu lokasi ke lokasi bagi meraih pendapatan

lebih berbanding di premis statik," katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis perasmian Festival Smart Trak Selangor 2017 dan pelancaran Garis Panduan Trak Bergerak (Makanan, Barangan dan Perkhidmatan), pada 2 April lalu.

Turut hadir, Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari; Ahli Dewan Negeri Kota Anggerik, Dr Yaakob Sapari dan Datuk Bandar Shah Alam, Dato' Ahmad Zaharin Mohd Saad.

Selepas majlis perasmian, Dato' Menteri Besar mengambil peluang melawat tapak dataran bagi meninjau perniagaan dan bermesra dengan usahawan dalam festival itu.

Model perniagaan Smart Trak diperkenalkan Kerajaan Negeri adalah perniagaan bersifat mobiliti tinggi dan peluang perniagaan diberi nafas baru seterusnya dapat meningkatkan persaingan sihat.

Sehingga Mac lalu, seramai 138 perniagaan Smart Trak berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan di Selangor.



Puji inisiatif, minta diperluas



Khairul Anuar



Enas Ibrahim

SHAH ALAM - Usaha Kerajaan Negeri membantu usahawan trak bergerak disambut baik dan mereka mengalu-alukan langkah diambil bagi terus memaju serta meningkatkan hasil pendapatan. Program itu juga terbukti berjaya memupuk minat orang ramai terutama generasi muda bagi menyertai bidang perniagaan dengan konsep berkenaan.

Khairul Anuar Abdul Salam, 23, berkata, program dijalankan seperti Festival Smart Trak Selangor 2017 membuka peluang usahawan memasarkan produk jualan dengan lebih berkesan.

"Perniagaan konsep begini bagus kerana kita dapat berjumpa pelanggan terus di lokasi dan juga mengurangkan beban.

"Pemasaran juga berkesan kerana segala iklan produk dipaparkan di bahagian badan trak untuk kemudahan pelanggan

dan diharap program seperti ini diadakan secara kerap termasuk di lokasi lain," kata pengusaha Mat Rock Ayam Goreng Kunyit itu kepada Selangorkini.

Sementara itu, usahawan Murtabak Cheese dari Sijangkang, Enas Ibrahim, 32, menjelaskan usaha Kerajaan Negeri dalam perkara itu wajar dipuji kerana perniagaan konsep begitu memudahkan peniaga bergerak dari satu lokasi ke lokasi lain.

"Perniagaan begini memudahkan pergerakan kerana segalanya dalam trak, macam saya sendiri dari Sijangkang tetapi boleh datang ke Shah Alam bagi bertemu pelanggan.

"Ia satu usaha strategik bagi membantu peniaga dan pastinya baik jika program itu berterusan serta diperluaskan di seluruh Selangor," katanya.

Garis Panduan Trak Bergerak kembang idea

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Garis Panduan Trak Bergerak dalam usaha membantu dan menarik minat usahawan terutama golongan muda menyertai program berkenaan di Selangor.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Kerajaan Negeri meng-

alu-alukan segala pandangan dan idea daripada kalangan usahawan terbabit serta pihak berkaitan dalam usaha penambahbaikan.

Katanya, Garis Panduan Trak Bergerak (Makanan, Barangan dan Perkhidmatan) diperkenalkan itu membantu semua usahawan menyertai program yang

diadakan di seluruh Selangor.

"Selangor adalah negeri pertama memperkenalkannya dan ia langkah terbaik kita sediakan bagi penyeretan mereka dan sambutan diterima juga amat membanggakan.

"Mereka memerlukan satu panduan bagi penyeretan dalam program ini dan kita

akan perkenalkan garis panduan berkenaan dalam tempoh kurang enam bulan dari sekarang," katanya selepas majlis perasmian Festival Smart Trak Selangor 2017, di Dataran Kemerdekaan, pada 2 April lalu.

Beliau berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan

golongan usahawan akan menjalin hubungan juga kerjasama erat bagi menjayakan program berkenaan.

"Antara garis panduan ini ialah PBT akan membantu mereka mengenal pasti lokasi sesuai serta perkara lain seperti kadar harga berpatutan dan yuran dikenakan," katanya.